

Sambutan peringkat kebangsaan

Pelbagai kaum raikan Aidilfitri MADANI

Rakyat ke MITC seawal jam 8 pagi mahu beraya bersama PM, pemimpin negeri

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Ayer Keroh: Majlis Aidilfitri MADANI peringkat kebangsaan yang diadakan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), semalam, disambut meriah masyarakat pelbagai kaum.

Seawal jam 8 pagi, orang ramai mula membanjiri lokasi bagi merasai sendiri kemeriahan sambutan hari raya bersama semua kepimpinan negeri dan negara diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Majlis dihadiri Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr Mohd Ali Mohd Rustam; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Ketua Menteri, Datuk

Seri Ab Rauf Yusoh; Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul; Menteri Peraduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang; menteri Kabinet serta pemimpin politik.

Lebih 100 jenis juadah disediakan di 80 gerai yang terdapat pada sambutan kali ini.

Mengikut atur cara program, pengunjung dihiburkan dengan persembahan artis popular seperti Anuar Zain, Zamani, Hazama, Ayda Jebat serta beberapa lagi artis kebudayaan tempatan.

Lancar "FMM 2026 di Melaka Melaka dipilih sebagai tuan rumah majlis sambutan Aidilfitri peringkat kebangsaan tahun ini, serentak dengan pemilihan negeri itu sebagai lokasi penganjuran Hari Pelancongan Sedunia (WTD) dan Persidangan Pelancongan Sedunia (WTC) 2025 dijadual diadakan September ini.

Sementara itu, Perdana Menteri memberi 'lampu hijau' kepada Kerajaan Melaka untuk menjadi tuan rumah acara pelancaran Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026.

Katanya, ia susulan kejayaan



Anwar bersama Mohd Ali dan Ab Rauf pada sambutan Aidilfitri MADANI di MITC, Ayer Keroh, semalam.

(Foto BERNAMA)



Pengunjung menikmati pelbagai juadah pada majlis Aidilfitri MADANI di ruangan dewan MITC, Ayer Keroh, semalam.

(Foto BERNAMA)

negeri pimpinan Ab Rauf melaksanakan pelbagai acara berprestij pada peringkat negeri dan kebangsaan sehingga menjadi buah mulut di seluruh negara.

"Dalam ucapan beliau (Ab Rauf) sebanyak tiga kali menyebut mengenai hasrat menjadi tuan rumah, ditambah pula saya duduk bersebelahan dengan (Datuk Seri) Dr Ahmad Zahid Hamidi selaku Presiden UMNO yang agak mendesak dan menyokong hasrat itu.

"Melihat kepada persiapannya, sektor pelancongan ini bukan saja melihat kepada kehadiran orang asing, tetapi manfaatnya kepada rakyat tempatan. Sebab itu persiapan kita dari segi budaya, makanan dan tempat tinggal (penginapan) itu kalau diatur dengan baik akan memberi manfaat kepada negara serta rakyat.

"Jadi, saya cenderung untuk bersetuju supaya pelancaran TMM ini dibuat di Melaka tanpa kos tambahan yang banyak," katanya berucap pada majlis sambutan berkenaan.